

13/12/2001

Zainal Rampak angkat sumpah senator

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Datuk Zainal Rampak (gambar) hari ini mengangkat sumpah di hadapan Yang Di-pertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen Wing Sum sebagai Ahli Dewan Negara untuk penggal kedua.

Zainal, 61, yang juga ahli Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilantik sebagai senator pada 11 November 1998.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantiknya menjadi Ahli Dewan Negara untuk tempoh tiga tahun lagi.

Sementara itu, Zainal meminta kerajaan mengkaji semula keputusan menaikkan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) sebanyak 10 peratus yang berkuat kuasa 1 Januari ini.

"Kenaikan kadar tol akan membebankan pengguna jalan raya khususnya sektor pengangkutan awam seperti bas. Kenaikan kadar tol patut dibuat selepas ekonomi negara bertambah baik dan stabil," katanya pada sidang akhbar selepas upacara mengangkat sumpah di Parlimen, hari ini.

(END)